

Jadual Senarai Isu Dalam 2025

No	JABATAN	SPESIFIK ISU	KATEGORI	S	W	O	T
1	Bahagian Keselamatan KKL	Kekurangan Pengawasan dan Pemantauan Tanpa pengawasan yang berterusan, warga atau pelanggan mungkin tidak merasa diawasi atau tertekan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ini boleh menyebabkan pelanggaran yang lebih kerap.	KESELAMATAN	Sumber daya penguatkuasaan: Memiliki kakitangan yang terlatih dan mampu menguatkuasakan peraturan.	Kurangnya pengawasan yang konsisten: Penguatkuasaan yang tidak konsisten atau kurangnya pemantauan dapat menyebabkan pelanggaran yang berterusan.	Peningkatan penguatkuasaan melalui teknologi: Penggunaan teknologi moden untuk memantau dan memastikan kepatuhan lebih efisien dan mudah.	Kekurangan penguatkuasaan: Jika pihak berkuasa atau pihak berwajib gagal menegakkan peraturan dengan tegas, ia memberi ruang untuk pelanggaran berterusan
2	Bahagian Prasarana KKL	Pelaras suis sistem hawadingin terbakar di JSM	OPERASI	Penyelenggaraan berkala sistem hawadingin.	Tiada semakan suis hawadingin berada dalam keadaan baik.	Penggantian komponen / sistem yang baru serta berteknologi terkini melalui RMK12 / RMK13.	Kebakaran di lokasi / kerosakan peralatan di JSM.
3	Bahagian Prasarana KKL	Pengguna terpaksa menjadualkan semula temujanji pesakit kerana kekerapan kerosakan mesin dan jangka hayat mesin telah melebihi 10 tahun.	OPERASI	Mesin menjalani penyelenggaraan yang konsisten, ia dapat mengurangkan risiko kerosakan dan meningkatkan ketahanan mesin dalam jangka panjang.	Mesin yang sudah lama mungkin memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi disebabkan keperluan untuk menggantikan komponen lama yang sukar didapati, atau perlu menjalani kalibrasi yang lebih kerap.	HCTM boleh melihat peluang untuk menggantikan mesin lama dengan model baru yang menawarkan teknologi terkini, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keupayaan diagnostik.	Mesin yang telah beroperasi lebih dari 10 tahun berisiko mengalami kerosakan yang lebih besar dan tidak dapat dibaiki, yang boleh mengakibatkan penghentian sementara operasi. Mesin lama yang rosak berisiko untuk mengeluarkan radiasi yang lebih tinggi atau tidak tepat, yang boleh mengancam keselamatan pesakit dan staf perubatan yang terlibat. Ini juga akan menyebabkan pesakit hilang kepercayaan terhadap HCTM dan lari ke fasiliti lain untuk mendapatkan servis.

4	Bahagian Prasarana KKL	Jururawat cuba untuk membetulkan lampu pemeriksaan pada kepala katil, keadaan wayar pada lampu pemeriksaan tersebut tidak kemas. Jururawat tersebut bertindak untuk membetulkan keadaan kabel tersebut dan terkena renjatan akibat dari terkena kabel yang luka.	INFRASTRUKTUR	Pasukan Juruteknik dan Pendawai berkompeten (panel kontraktor elektrik) pantas dan cepat bertindak.	Kakitangan terlibat tidak mematikan punca bekalan elektrik sebelum membetulkan kabel lampu.	Mengadakan latihan keselamatan elektrik secara berkala kepada warga HCTM.	Risiko kecederaan serius atau kematian jika SOP terus tidak dipatuhi.
5	Bahagian Teknologi Maklumat KKL	Ketersediaan ICT Disaster Recovery and Business Continuity Planning yang lebih sistematik tanpa mengganggu perkhidmatan perawatan di HCTM	OPERASI	Sistem Offline Data bagi aplikasi Klinikal telah dibangunkan. dan perancangan untuk membangunkan sistem offline yang lebih sistematik dengan proses auto upload	Kemahiran dalam teknologi yang lebih canggih dan terkini yang boleh menyelesaikan isu dengan lebih pantas dan sistematik	Meningkatkan lagi tahap ketersediaan menghadapi "Disaster" yang melibatkan kegagalan fungsi ICT	Perkhidmatan perawatan dan pengoperasian di hospital akan terganggu
6	Bahagian Teknologi Maklumat KKL	Maklumat yang dijana atau disimpan dalam sistem kurang tepat	OPERASI	Sistem dan cara penggunaan sistem dilaksanakan oleh pasukan teknikal dalaman	Kurang program awareness	Pemantapan maklumat di dalam sistem	Data tidak tepat dan risiko disaman dan keselamatan data

7	Bahagian Teknologi Maklumat KKL	Penyediaan Sistem Maklumat Hospital Bersepadu HCTM yang masih tidak lengkap bagi menggantikan sistem sewaan yang melibatkan kos penyelenggaraan tahunan tinggi serta keperluan teknologi/sistem semasa sekaligus integrasi sistem dapat dilaksanakan. Kaeadah proses kerja secara manual masih dilaksanakan dan proses penyelarasan perlu dibuat bagi memudahkan sistem dibangunkan.	OPERASI	Pasukan pembangun aplikasi menggunakan kakitangan dalaman BTM sedia ada dengan kemahiran yang tinggi dan berpengalaman. Pasukan domain expert dalaman yang komited membantu didalam fasa pembangunan sistem. Sokongan pihak pengurusan yang tinggi	1. Kekurangan ahli pasukan pembangun untuk memenuhi keperluan pembangunan sistem yang lebih pantas. 2..Penyeragaman proses kerja manual perlu diselaraskan bagi memudahkan proses pembangunan sistem.	1.Menghasilkan sistem yang dapat menyokong kemajuan teknologi terkini dan dapat mengikut kehendak keperluan pengguna di HCTM. 2.Permohonan perubahan boleh dilakukan dengan lebih pantas 3.Dapat melahirkan kakitangan yang lebih pakar dengan menghantar ke latihan pembangunan sistem yang lebih berteknologi terkini. 4.Penjimatan kos penyelenggaraan dan kos pembelian/sewaan sistem dari pembekal syarikat luar dapat dikurangkan.	1. Kos penyelenggaraan sistem sewaan setiap tahun meningkat dan terbeban dengan kos permohonan penambahbaikan sistem dengan kos yang amat tinggi. 2.Kehilangan sumber maklumat manual dan isu keselamatan data.
---	---------------------------------	--	---------	--	--	--	---

8	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Pesakit ICU mendapat pressure injury akibat baring dalam tempoh yang lama	OPERASI	Kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan kakitangan kesihatan mengenai pentingnya pencegahan tekanan luka (pressure injury) dan usaha untuk memperbaiki penjagaan pesakit ICU. ICU dilengkapi dengan alternate mattress yang membantu mengurangkan tekanan pada tubuh pesakit, yang boleh membantu dalam pencegahan luka tekanan. ICU juga mempunyai protokol klinikal yang jelas (skin assessment progress score) dan panduan untuk pencegahan dan pengurusan tekanan luka, yang memberi garis panduan dalam penjagaan pesakit. Kakitangan perubatan yang terlatih dan berkemahiran dalam pengurusan penjagaan intensif juga dapat mengesan risiko tinggi tekanan luka dan mengambil langkah pencegahan.	Pengawasan yang kurang intensif atau tidak konsisten dalam perubahan posisi pesakit boleh menyebabkan tekanan yang berterusan pada kawasan tubuh tertentu, meningkatkan risiko tekanan luka. Sialian itu, kakitangan mungkin tidak mendapat latihan yang mencukupi dalam mengenal pasti risiko dan mengelakkan luka tekanan, serta cara-cara untuk mengubah posisi pesakit secara berkesan untuk mengurangkan risiko ini.	Peningkatan dalam penyelidikan mengenai pencegahan tekanan luka, termasuk bahan dan teknik baru yang boleh digunakan untuk memperbaiki penjagaan pesakit ICU dan mengurangkan insiden tekanan luka. Kerjasama dengan syarikat yang mengkhusus dalam pembuatan peralatan pencegahan tekanan luka boleh membawa kepada penggunaan teknologi yang lebih baik dan inovatif dalam ICU. Menubuhkan protokol untuk memantau dan menilai risiko tekanan luka secara berkala dapat memberi peluang untuk mencegah luka ini sebelum ia berkembang dengan menggunakan langkah pencegahan yang lebih proaktif.	Beban kerja kakitangan yang meningkat kurangnya pembiayaan untuk peralatan pencegahan dan ketidaktepatan atau kelewatan dalam mengesan risiko tekanan luka pada pesakit ICU boleh memperburuk keadaan dan menyebabkan luka tekanan yang lebih serius. Beberapa keadaan perubatan yang kompleks (seperti penyakit kritikal, ketidakstabilan hemodinamik, atau penggunaan ubat-ubatan tertentu) boleh menyukarkan pemantauan dan penjagaan pesakit dengan teliti, serta meningkatkan risiko untuk tekanan luka. Sialian itu, dengan kekurangan sumber atau kakitangan ICU mungkin sukar untuk memberi perhatian yang cukup kepada setiap pesakit secara individu, meningkatkan risiko kelewatan dalam pengurusan pencegahan tekanan luka.
---	--	---	---------	--	---	--	---

9	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Perletakan jawatan pakar anestesiologi	KEWANGAN	Pengalaman Klinikal: Pakar klinikal membawa pengalaman praktikal yang penting dalam mendidik pelajar, memastikan hubungan teori dan praktikal dalam pembelajaran.	Kekurangan pakar yang terlatih dan hospital perlu mengeluarkan belanja untuk melatih pakar sedia ada untuk menampung perkhidmatan. Pakar sedia ada juga semakin burn out	Banyak pakar dan pensyarah perubatan yang memilih untuk berhijrah ke institusi luar untuk mencari peluang pekerjaan dan bayaran perkhidmatan yang lebih baik, terutamanya dalam bidang klinikal.	Persaingan yang meningkat dari universiti atau institusi swasta untuk menarik pakar perubatan berkualiti boleh menyebabkan kehilangan tenaga pengajar atau pakar klinikal terbaik.
10	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Masalah komunikasi antara kakitangan dan pesakit	OPERASI	Terdapat kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan kakitangan kesihatan mengenai kepentingan komunikasi yang jelas dan tepat antara kakitangan dan pesakit, yang mendorong usaha untuk meningkatkan proses komunikasi termasuklah memberi penekanan kepada kualiti penjagaan pesakit, yang mendorong inisiatif untuk memperbaiki saluran komunikasi bagi mengelakkan masalah maklumat yang tidak sampai kepada pesakit.	Kekurangan koordinasi antara kakitangan pelbagai disiplin (dokter pelbagai disiplin, jururawat dan lain-lain) serta kakitangan yang terlampau sibuk atau terbeban dengan tugas boleh menyebabkan mereka tidak dapat memberi perhatian yang secukupnya untuk berkomunikasi dengan pesakit, mengakibatkan maklumat tidak dihantar atau diterima dengan tepat. Selain itu, isu pemindahan antara wad menyebabkan kekliruan dalam penghantaran maklumat menyebabkan gangguan komunikasi antar kakitangan, pesakit dan waris.	Program latihan berterusan mengenai komunikasi berkesan boleh meningkatkan kemahiran kakitangan dalam menyampaikan maklumat dengan jelas kepada pesakit dan mengurangkan masalah kekeliruan atau salah faham.	Penggunaan bahasa yang tidak sesuai menyebabkan pesakit dan waris tidak memahami maklumat yang disampaikan dengan jelas menyebabkan kekliruan dan prasangka. Kakitangan yang terlalu sibuk atau tergesa-gesa mungkin mengabaikan maklumat penting semasa berkomunikasi dengan pesakit, meningkatkan risiko kesalahan atau ketidaklengkapan dalam informasi yang disampaikan. Dalam keadaan kekurangan sumber atau bilangan kakitangan yang rendah, kekurangan masa untuk berkomunikasi dengan pesakit dapat memperburuk masalah maklumat yang tidak sampai dengan efektif.

11	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Pesakit ICU berkemungkinan jatuh dari katil di ICU	OPERASI	<p>Kakitangan ICU biasanya mempunyai latihan khusus dalam penjagaan pesakit yang kritikal, yang memberi mereka pengetahuan tentang risiko jatuh dan cara-cara untuk mencegahnya. ICU mempunyai protokol keselamatan untuk memastikan pesakit yang berisiko tinggi jatuh mendapat pengawasan lebih rapi dan tindakan pencegahan yang sesuai. ICU memantau pesakit secara berterusan dengan mengadakan orientasi dan tag kepada pesakit high risk, yang dapat mengurangkan risiko. Penggunaan sistem pemantauan untuk memeriksa parameter vital pesakit secara berterusan membolehkan kakitangan untuk memberi perhatian segera terhadap perubahan yang boleh meningkatkan risiko jatuh, seperti kekeliruan atau ketidakstabilan fizikal.</p>	<p>Walaupun ICU adalah unit penjagaan intensif, kadangkala, pengawasan langsung terhadap pesakit yang berisiko jatuh tidak dilakukan secara berterusan kerana tekanan tugas yang tinggi atau kekurangan kakitangan.</p>	<p>Meningkatkan kesedaran tentang pencegahan jatuh melalui pendidikan dan latihan kepada kakitangan boleh membantu mereka memberi perhatian lebih kepada pesakit yang berisiko. Teknologi seperti sensor pergerakan, katil pintar, atau alat pemantauan lain yang dapat mengesan apabila pesakit cuba bergerak tanpa bantuan, boleh memberi peluang untuk mengurangkan risiko jatuh dengan memberikan amaran awal kepada kakitangan.</p>	<p>Kekurangan staf atau pengambilan kakitangan yang tidak mencukupi dalam ICU boleh menyebabkan pengawasan terhadap pesakit yang berisiko jatuh terabai. Ini boleh meningkatkan kemungkinan pesakit terjatuh tanpa pemantauan yang mencukupi. Pesakit di ICU, terutamanya yang berada dalam keadaan sedar tetapi terkeliru atau sedar semasa prosedur yang invasif, mungkin tidak memahami risiko yang mereka hadapi dan berusaha untuk bergerak secara tidak sedar, meningkatkan risiko jatuh. Terdapat risiko kesilapan dalam penggunaan peralatan keselamatan seperti penghadang katil, tali pinggang keselamatan, atau katil yang boleh mengubah posisi pesakit. Jika alat ini tidak digunakan dengan betul atau diselenggara dengan baik, ia boleh menyebabkan kecederaan atau risiko jatuh. Keadaan kesihatan pesakit yang tidak stabil, seperti penurunan tekanan darah secara mendadak atau gangguan dalam keseimbangan tubuh, boleh membuatkan mereka lebih cenderung untuk terjatuh walaupun dengan pengawasan dan peralatan yang mencukupi. Keletihan akibat beban kerja yang tinggi atau tekanan psikologi yang dialami oleh kakitangan ICU boleh menyebabkan penurunan dalam perhatian dan pengawasan terhadap pesakit yang berisiko jatuh, meningkatkan kemungkinan kejadian tersebut berlaku.</p>
----	--	--	---------	---	---	--	--

12	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Pemakaian ETT yang tidak mengikut SOP	OPERASI	<p>Protokol dan garis panduan tersedia – Standard operating procedures (SOP) untuk pemasangan dan pemantauan ETT membantu mengurangkan risiko ekstubasi tidak disengajakan dan Pemantauan berterusan dalam ICU – Pesakit yang menggunakan ventilator dipantau secara rapi, membolehkan tindakan segera jika tiub longgar atau tercabut.</p>	<p>Pesakit gelisah dan tidak sedar sepenuhnya – Pesakit yang keliru atau resah berisiko menarik keluar tiub secara tidak sengaja, Penetapan tiub yang tidak kukuh – Pengikatan yang lemah atau peralatan penahan yang tidak efektif boleh menyebabkan tiub menjadi longgar, Kekurangan latihan dan pematuhan staf – Kurangnya latihan dalam mengenal pasti tanda awal pergerakan tiub boleh meningkatkan risiko ekstubasi tidak disengajakan, Beban kerja tinggi dalam ICU – Kekurangan staf atau jumlah pesakit yang tinggi boleh menyebabkan pemantauan yang kurang efektif.</p>	<p>Penggunaan teknologi pemantauan lebih canggih – Sistem penggera atau sensor boleh membantu mengesan pergerakan tiub lebih awal, Latihan berkala untuk staf kesihatan – Peningkatan kesedaran dan kepatuhan terhadap teknik penetapan tiub yang betul boleh mengurangkan risiko, Strategi pengurusan sedasi yang lebih baik – Pelarasan sedasi yang optimum boleh membantu mengurangkan agitasi pesakit tanpa menyebabkan risiko lain, Penyelidikan dan inovasi dalam alat penahan ETT – Pembangunan alat yang lebih stabil dan selesa boleh meningkatkan keselamatan pesakit.</p>	<p>Komplikasi pernafasan akibat ekstubasi tidak disengajakan – Kehilangan kawalan saluran pernafasan boleh menyebabkan hipoksia atau kecederaan paru-paru. Peningkatan kos rawatan – Reintubasi dan rawatan komplikasi akibat ekstubasi boleh meningkatkan kos hospital dan beban kerja kakitangan.</p>
----	--	---------------------------------------	---------	---	--	--	---

13	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Jangkitan bakteria ke saluran kencing pesakit akibat penggunaan kateter	OPERASI	<p>Peningkatan rintangan antibiotik – Jangkitan yang disebabkan oleh bakteria tahan ubat boleh menyukarkan rawatan, Beban kerja tinggi dalam penjagaan kesihatan – Staf yang sibuk mungkin kurang memberi perhatian kepada prosedur pencegahan yang betul dan Pencemaran persekitaran hospital – Risiko jangkitan meningkat jika peralatan atau persekitaran tidak dikendalikan dengan bersih.</p>	<p>Latihan dan pendidikan berkala untuk staf kesihatan – Meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap langkah pencegahan CAUTI, Pembangunan teknologi baru – Inovasi seperti sensor pemantauan awal jangkitan dan kateter biokompatibel boleh membantu mengurangkan risiko CAUTI dan Pelaksanaan polisi pengurangan penggunaan kateter – Menggalakkan penggunaan kateter hanya apabila benar-benar diperlukan untuk mengurangkan insiden CAUTI.</p>	<p>Penggunaan kateter yang tidak perlu atau berpanjangan – Semakin lama kateter kekal di tempatnya, semakin tinggi risiko jangkitan, Kegagalan mematuhi teknik aseptik – Prosedur penyisipan dan penjagaan yang tidak steril boleh menyebabkan bakteria memasuki saluran kencing dan Pematuhan kebersihan tangan yang tidak konsisten – Penjagaan yang tidak cermat meningkatkan risiko pencemaran silang.</p>	<p>Protokol pencegahan tersedia – Garis panduan seperti "CAUTI prevention bundles" membantu mengurangkan risiko jangkitan, Pemantauan pesakit yang berterusan – Pesakit yang menggunakan kateter dipantau secara berkala untuk mengesan tanda awal jangkitan dan Penggunaan kateter bersalut antibakteria – Teknologi moden seperti kateter bersalut perak atau antibiotik membantu mencegah kolonisasi bakteria.</p>
----	--	---	---------	--	--	--	---

14	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Kecuaian	OPERASI	<p>Protokol dan garis panduan tersedia – Standard Operating Procedures (SOP) untuk pengendalian jarum yang selamat membantu mengurangkan risiko. Penggunaan bekas tahan tusukan – Bekas khas untuk pembuangan jarum mengurangkan risiko kecederaan akibat jarum terbuang. Vaksinasi Hepatitis B untuk petugas kesihatan – Memberikan perlindungan tambahan terhadap jangkitan darah melalui kecederaan jarum. Kesedaran dan latihan berkala – Program pendidikan mengenai pengendalian jarum yang selamat membantu meningkatkan pematuhan dalam kalangan staf kesihatan.</p>	<p>Pembuangan jarum yang tidak betul – Kegagalan membuang jarum dalam bekas khas boleh meningkatkan risiko kecederaan tertusuk. Penutupan semula jarum (recapping) – Amalan berbahaya ini meningkatkan kemungkinan kecederaan walaupun sarung tangan dipakai. Kurangnya pematuhan terhadap langkah keselamatan – Tidak semua staf kesihatan mematuhi garis panduan dengan ketat, terutamanya dalam keadaan sibuk. Beban kerja tinggi di ICU dan wad kecemasan – Staf yang tertekan atau tergesa-gesa lebih berisiko mengalami kecederaan tertusuk jarum.</p>	<p>Peningkatan latihan dan kesedaran – Program berkala mengenai keselamatan jarum boleh mengurangkan insiden kecederaan. Penggunaan teknologi selamat – Pengenalan jarum suntikan dengan ciri keselamatan automatik boleh mengurangkan risiko tertusuk. Peningkatan sistem pelaporan insiden – Pelaporan awal membolehkan langkah pencegahan dan rawatan segera jika berlaku kecederaan. Penyelidikan dan inovasi dalam alat perubatan – Penghasilan jarum suntikan tanpa jarum (needle-free systems) atau sistem suntikan terkawal boleh mengurangkan risiko NSI.</p>	<p>Peningkatan risiko jangkitan darah – Kecederaan tertusuk jarum boleh menyebabkan penularan penyakit seperti Hepatitis B, Hepatitis C, dan HIV. Keletihan dan tekanan kerja – Staf yang keletihan lebih cenderung melakukan kesilapan semasa mengendalikan jarum. Kurangnya bekalan alat keselamatan – Jika bekas tahan tusukan atau jarum dengan ciri keselamatan tidak mencukupi, risiko NSI meningkat. Ketidakpatuhan terhadap prosedur keselamatan – Faktor manusia seperti sikap sambil lewa atau keutamaan terhadap tugas lain boleh menyebabkan pengabaian langkah pencegahan.</p>
----	--	----------	---------	--	--	--	---

15	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Kurang Latihan	KOMPETENSI	<p>Garis panduan dan SOP tersedia – Prosedur operasi standard (SOP) disediakan untuk memastikan penggunaan peralatan yang selamat dan berkesan. Latihan dan kursus pengendalian peralatan – Sesetengah fasiliti kesihatan menyediakan latihan kepada staf mengenai penggunaan dan penyelenggaraan peralatan perubatan. Penyelenggaraan berkala oleh jabatan kejuruteraan perubatan – Peralatan yang diselenggara mengikut jadual dapat mengurangkan risiko kerosakan akibat penggunaan yang salah.</p>	<p>Kurangnya pemahaman tentang prosedur penggunaan – Staf yang tidak terlatih atau kurang pengetahuan boleh menggunakan peralatan dengan cara yang salah. Ketiadaan latihan berkala – Kekurangan latihan boleh menyebabkan kesilapan dalam pengendalian, yang meningkatkan risiko kerosakan dan bahaya kepada pesakit. Penyelenggaraan yang tidak mencukupi – Peralatan yang tidak diperiksa secara berkala lebih mudah mengalami kerosakan akibat penyalahgunaan. Ketidapatuhan terhadap SOP – Sikap sambil lewa atau tergesa-gesa dalam penggunaan peralatan boleh menyebabkan mishandling.</p>	<p>Peningkatan latihan dan kesedaran staf – Latihan berkala boleh membantu meningkatkan pemahaman tentang pengendalian peralatan yang betul. Teknologi pintar dalam peralatan perubatan – Pengenalalan sistem automatik atau amaran keselamatan dalam peralatan dapat membantu mengurangkan risiko kesilapan pengguna. Pemantauan dan audit berkala – Pemeriksaan berkala oleh pihak pengurusan boleh membantu mengenal pasti masalah awal sebelum berlaku kerosakan besar. Sistem laporan insiden yang lebih baik – Meningkatkan budaya pelaporan kesilapan penggunaan boleh membantu mencegah kejadian berulang.</p>	<p>Kerosakan peralatan yang serius – Pengendalian yang salah boleh menyebabkan kerosakan kekal pada peralatan, yang meningkatkan kos penyelenggaraan atau penggantian.</p>
----	--	----------------	------------	--	---	--	--

16	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Jangkitan bakteria ke saluran darah pesakit akibat penggunaan kateter	OPERASI	<p>Protokol pencegahan tersedia – Garis panduan seperti "bundles" pencegahan CRBSI boleh mengurangkan risiko jangkitan jika dipatuhi, Teknik antiseptik dan alat steril – Penggunaan antiseptik seperti chlorhexidine dan kateter bersalut antibakteria boleh membantu mengurangkan penjajahan patogen dan Pemantauan rapi – Pasukan kawalan jangkitan dan pemantauan pesakit secara berkala membolehkan pengesanan awal CRBSI.</p>	<p>Pematuhan terhadap langkah pencegahan tidak konsisten – Pengabaian teknik aseptik boleh meningkatkan risiko jangkitan, Penggunaan kateter yang berpanjangan – Semakin lama kateter berada di dalam badan, semakin tinggi risiko penjajahan bakteria dan Kekurangan latihan dalam prosedur steril – Tidak semua petugas kesihatan mempunyai latihan mencukupi dalam pengendalian kateter yang betul.</p>	<p>Pembangunan teknologi baru – Kateter dengan lapisan antibakteria dan sistem pemantauan jangkitan awal dapat membantu mencegah CRBSI, Latihan dan kesedaran staf – Program pendidikan berkala boleh meningkatkan kepatuhan kepada prosedur steril dan langkah pencegahan dan Strategi kawalan jangkitan yang lebih ketat – Pelaksanaan langkah seperti audit kebersihan tangan dan pemantauan pemakaian kateter dapat mengurangkan insiden CRBSI.</p>	<p>Peningkatan rintangan antibiotik – Bakteria tahan antibiotik boleh menjadikan rawatan CRBSI lebih mencabar, Beban kerja tinggi dalam penjagaan kesihatan – Staf kesihatan yang sibuk mungkin kurang memberi perhatian kepada langkah pencegahan yang diperlukan dan Pencemaran persekitaran hospital – Kehadiran patogen dalam persekitaran penjagaan kesihatan boleh meningkatkan risiko CRBSI.</p>
----	--	---	---------	---	--	---	---

17	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Sumber yang terhad	KEWANGAN	<p>Protokol penyelenggaraan tersedia –</p> <p>Kebanyakan hospital mempunyai jadual penyelenggaraan berkala untuk memastikan peralatan berfungsi dengan baik.</p> <p>Pasukan kejuruteraan klinikal – Terdapat juruteknik khas yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan dan kalibrasi peralatan. Sistem pelaporan kerosakan – Hospital mempunyai prosedur untuk melaporkan masalah peralatan supaya pembaikan boleh dilakukan segera.</p>	<p>Risiko ketidaktepatan diagnosis dan rawatan – Peralatan yang tidak dikalibrasi boleh memberikan bacaan yang salah, membahayakan pesakit. Pematuhan penyelenggaraan yang tidak konsisten – Tidak semua peralatan diperiksa mengikut jadual, menyebabkan kelewatan dalam servis dan kalibrasi. Sistem pemantauan yang lemah – Kelemahan dalam pemantauan status penyelenggaraan boleh menyebabkan peralatan yang tamat tempoh terus digunakan tanpa disedari. Kekurangan bajet untuk penyelenggaraan berkala – Jika peruntukan kewangan terhad, hospital mungkin menangguhkan kalibrasi atau servis peralatan.</p>	<p>Automasi dan teknologi pemantauan – Penggunaan sistem digital untuk mengesan status penyelenggaraan boleh memastikan setiap peralatan dikalibrasi tepat pada masanya. Latihan berkala untuk staf kesihatan – Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penggunaan peralatan yang telah dikalibrasi dengan betul. Kerjasama dengan vendor peralatan – Perjanjian penyelenggaraan berkala dengan pembekal boleh memastikan peralatan sentiasa berada dalam keadaan optimum. Penggunaan peralatan gantian sementara – Menyediakan alat pengganti untuk mengelakkan gangguan perkhidmatan ketika peralatan utama diselenggara.</p>	<p>Risiko keselamatan pesakit – Kesalahan dalam bacaan atau fungsi peralatan yang tamat tempoh kalibrasi boleh membawa kepada komplikasi serius atau rawatan yang salah. Implikasi undang-undang dan liabiliti – Penggunaan peralatan yang tidak diselenggara boleh menyebabkan hospital berdepan tindakan undang-undang jika berlaku kecederaan atau kematian pesakit. Kos pembaikan lebih tinggi jika peralatan gagal sepenuhnya – Jika penyelenggaraan ditangguhkan terlalu lama, kerosakan besar boleh berlaku, memerlukan kos pembaikan yang lebih tinggi. Kehilangan kepercayaan pesakit – Jika insiden akibat peralatan yang tidak dikalibrasi tersebar, reputasi hospital boleh terjejas.</p>
----	--	--------------------	----------	--	---	--	---

18	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Jangkitan bakteria ke paru-paru pesakit akibat penggunaan ETT dan ventilator	OPERASI	Teknologi moden dalam ventilasi iaitu Penggunaan ventilator canggih dengan ciri keselamatan mengurangkan risiko VAP, protokol pencegahan tersedia – Panduan seperti ‘ventilator bundle’ dapat membantu mencegah VAP jika dipatuhi dan Pemantauan rapi – Pesakit di ICU dipantau secara berkala, membolehkan pengesanan awal tanda-tanda jangkitan.	Ketergantungan pada ventilator – Penggunaan yang berpanjangan meningkatkan risiko jangkitan, Kebersihan yang tidak konsisten – Penyelenggaraan litar ventilator yang tidak sempurna boleh menyebabkan pencemaran bakteria dan Kos rawatan tinggi – Pencegahan dan rawatan VAP memerlukan sumber kewangan yang besar.	Latihan dan pendidikan staf – Program latihan boleh meningkatkan kesedaran dan kepatuhan kepada langkah pencegahan, Pembangunan teknologi baru – Inovasi seperti ventilator antibakteria dan sistem penyahjangkitan automatik boleh mengurangkan risiko VAP dan Peningkatan protokol kebersihan – Pelaksanaan strategi kawalan jangkitan yang lebih ketat dapat mengurangkan insiden VAP	Peningkatan rintangan antibiotik – Jangkitan bakteria tahan ubat boleh menyukarkan rawatan VAP, Kekurangan staf kesihatan – Beban kerja tinggi boleh menyebabkan pengabaian langkah pencegahan dan Pencemaran persekitaran hospital – Kehadiran patogen di persekitaran ICU boleh meningkatkan risiko jangkitan.
----	--	--	---------	--	--	--	--

19	Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Intensif	Sumber yang terhad	KEWANGAN	<p>SOP dan sistem penyelenggaraan tersedia –</p> <p>Kebanyakan hospital mempunyai prosedur penyelenggaraan berkala untuk memastikan peralatan berada dalam keadaan baik. Pasukan teknikal dan jurutera perubatan – Kehadiran juruteknik khas membolehkan pembaikan dilakukan jika laporan dibuat dengan segera. Sistem pelaporan kerosakan – Wujudnya prosedur rasmi untuk melaporkan kerosakan membolehkan tindakan diambil untuk penyelenggaraan.</p>	<p>Proses pembaikan yang lambat – Birokrasi dalam meluluskan pembaikan boleh menyebabkan kelewatan, menjejaskan penggunaan peralatan. Kurangnya peralatan gantian – Jika tiada alat ganti atau peralatan simpanan, rawatan pesakit boleh terganggu. Kekurangan bajet untuk pembaikan – Kos penyelenggaraan yang tinggi boleh menyebabkan kelewatan dalam membaiki atau menggantikan peralatan. Pemantauan dan pelaporan tidak efisien – Sistem pemantauan yang lemah boleh menyebabkan kelewatan dalam mengesan dan melaporkan kerosakan peralatan.</p>	<p>Automasi pemantauan peralatan – Penggunaan sistem digital boleh mengesan masalah lebih awal dan mempercepat proses pembaikan. Latihan kepada staf untuk penyelenggaraan asas – Kakitangan yang terlatih dalam penyelenggaraan asas boleh mengurangkan kebergantungan kepada juruteknik untuk masalah kecil. Kerjasama dengan vendor peralatan – Kontrak penyelenggaraan berkala dengan pembekal boleh memastikan peralatan diperbaiki dengan lebih cepat. Peruntukan bajet khas untuk penyelenggaraan – Hospital boleh menyediakan bajet khas bagi membolehkan pembaikan dilakukan tanpa birokrasi yang panjang.</p>	<p>Gangguan kepada perkhidmatan kesihatan – Peralatan yang tidak berfungsi boleh melambatkan rawatan pesakit dan menjejaskan kualiti perkhidmatan. Risiko keselamatan pesakit – Peralatan yang rosak boleh menyebabkan diagnosis atau rawatan yang tidak tepat, membahayakan nyawa pesakit. Kos pembaikan lebih tinggi jika dibiarkan terlalu lama – Jika kerosakan tidak ditangani segera, ia boleh menjadi lebih serius dan memerlukan kos pembaikan yang lebih tinggi. Δ Kesan kepada reputasi hospital – Jika peralatan perubatan sering rosak dan lambat dibaiki, ia boleh menjejaskan kepercayaan pesakit terhadap perkhidmatan hospital.</p>
----	--	--------------------	----------	---	---	---	---

20	Jabatan Bedah Mulut	Kebersihan dan Pengurusan Bahan Api - Penyimpanan bahan mudah terbakar atau bahan kimia yang tidak sesuai dekat dengan sumber api (penunu bunsen) meningkatkan risiko kebakaran. Kekurangan Latihan Kakitangan - Kakitangan mungkin tidak dilatih dengan secukupnya untuk mengendalikan peralatan berisiko tinggi atau tidak tahu langkah keselamatan yang betul dalam menghadapi kebakaran.	KESELAMATAN	Peningkatan Kesedaran Keselamatan - Kakitangan semakin sedar tentang pentingnya keselamatan dalam makmal dan amalan keselamatan semakin dipraktikkan. Peralatan Keselamatan yang Disediakan - Terdapat sistem pemadam api dan alat pemadam api yang ada di makmal sebagai langkah untuk mengatasi kecemasan kebakaran. Latihan Keselamatan Secara Berkala - Kakitangan menerima latihan tentang prosedur keselamatan dan bagaimana untuk bertindak dalam keadaan kecemasan.	Ketidakpatuhan terhadap Prosedur Keselamatan - Kakitangan mungkin tidak mematuhi prosedur keselamatan dengan sepenuhnya atau tidak mengambil langkah berjaga-jaga dengan serius. Kekurangan Pemantauan Secara Berterusan - Kurangnya pemantauan terhadap penggunaan peralatan berisiko tinggi seperti penunu bunsen, terutamanya apabila tidak digunakan.	Peningkatan Teknologi Keselamatan - Penggunaan teknologi yang lebih canggih seperti sensor kebakaran atau sistem pengesanan gas mudah terbakar yang dapat meningkatkan keselamatan. Latihan dan Pendidikan yang Lebih Baik - Menyediakan lebih banyak kursus atau seminar berkaitan keselamatan makmal untuk kakitangan bagi memastikan mereka lebih terlatih dalam menangani risiko kebakaran.	Kebakaran yang Tidak Dijangka - Kebakaran yang boleh berlaku secara tiba-tiba, terutama disebabkan oleh percikan api dari penunu bunsen atau gangguan kepada sistem keselamatan. Kecuaian Kakitangan - Risiko kecuaiian manusia yang boleh menyebabkan kesilapan dalam penggunaan peralatan atau pengabaian langkah keselamatan.
----	---------------------	--	-------------	---	---	---	--

21	Jabatan Bedah Mulut	<p>Kekurangan Latihan dan Pengetahuan Kakitangan - Kakitangan yang tidak cukup latihan dalam pengendalian alat tajam dan jarum suntikan berisiko menyebabkan kecederaan kepada diri sendiri atau pesakit.</p> <p>Pengendalian dan Pembuangan Alat Tajam yang Tidak Betul - Alat tajam dan jarum suntikan yang tidak dibuang dengan cara yang selamat (misalnya, tidak menggunakan bekas buangan khas) boleh meningkatkan risiko kecederaan dan jangkitan silang. Kurangnya Prosedur Keselamatan yang Tegas - Ketiadaan prosedur keselamatan yang jelas dan ketat mengenai cara untuk mengendalikan dan membuang alat tajam boleh meningkatkan risiko kecederaan.</p>	KESELAMATAN	<p>Kesedaran Keselamatan dalam Kalangan Kakitangan - Terdapat kesedaran keselamatan yang tinggi di kalangan kakitangan mengenai risiko jangkitan silang dan pentingnya prosedur keselamatan dalam pengendalian jarum dan alat tajam. Penggunaan PPE (Peralatan Perlindungan Peribadi) - Penyediaan peralatan perlindungan yang mencukupi seperti sarung tangan, pelindung muka, dan apron untuk kakitangan yang mengendalikan alat tajam. Latihan Berkala untuk Kakitangan - Kakitangan diberi latihan berkala mengenai prosedur pengendalian dan pembuangan alat tajam serta tindakan kecemasan yang perlu diambil sekiranya berlaku tusukan jarum atau kecederaan</p>	<p>Ketidakpatuhan Terhadap Prosedur Keselamatan - Beberapa kakitangan mungkin tidak mematuhi prosedur keselamatan yang telah ditetapkan, seperti gagal menggunakan bekas buangan tajam dengan betul atau tidak memakai PPE. Kekurangan Pengawasan atau Pemantauan - Kekurangan pengawasan dalam pengendalian alat tajam atau jarum suntikan, yang boleh menyebabkan pengabaian langkah keselamatan atau kecuaiian.</p>	<p>Pendidikan dan Latihan yang Lebih Intensif - Menawarkan program latihan yang lebih mendalam dan berterusan untuk kakitangan mengenai pengendalian alat tajam dan prosedur keselamatan yang betul.</p>	<p>Kecuaian Kakitangan Kecuaian atau ketidakberhati-hatian kakitangan dalam mengendalikan alat tajam atau jarum suntikan yang boleh menyebabkan kecederaan tidak sengaja dan jangkitan silang.</p>
----	---------------------	--	-------------	---	--	--	--

22	Jabatan Farmasi	<p>Kakitangan baharu yang kurang berpengalaman Kakitangan baharu memerlukan masa untuk membiasakan dan mahir dengan tugas yang baharu Tekanan Kerja Beban kerja yang terlalu tinggi boleh menyebabkan kecuaiian atau kelim kabut semasa proses pendispensan. Kerja dalam suasana yang tergesa-gesa atau tanpa masa yang cukup untuk memastikan kesalahan tidak berlaku.</p>	OPERASI	<p>Penggunaan Teknologi Aplikasi C-hets mengurangkan risiko kesalahan dengan menyediakan amaran automatik untuk interaksi ubat atau dos yang tidak tepat. Prosedur Kawalan Kualiti Proses semakan berganda oleh farmasi kedua sebelum ubat didispenskan dapat mengurangkan risiko kesalahan. Pendidikan dan Latihan Berterusan Latihan berterusan dan pendidikan untuk ahli farmasi dan pembantu farmasi membantu mereka kekal peka terhadap amalan terbaik dalam pendispensan ubat.</p>	<p>Kesalahan Manusia Kelelahan,kekurangan kakitangan dan Stres. Kakitangan farmasi yang bekerja dalam persekitaran yang tertekan atau terlalu sibuk mungkin tidak memberi perhatian sepenuhnya kepada butiran penting, menyebabkan kesilapan. Kekurangan pengalaman atau pengetahuan khusus dalam bidang farmasi, terutamanya dalam mengenali ubat LASA (Look-Alike, Sound-Alike), boleh menyebabkan kesilapan dalam pendispensan. Proses yang Tidak Teratur Prosedur Tidak Standard.Prosedur yang tidak jelas atau tidak konsisten dalam pendispensan boleh menyebabkan kelalaian atau ketidakseragaman. Kesalahan Preskripsi oleh Doktor Kelalaian oleh doktor itu sendiri</p>	<p>Peningkatan dalam Teknologi Sistem Pengurusan Ubat yang Lebih Canggih: Peningkatan dalam penggunaan sistem pengurusan farmasi dan alat automatik untuk pendispensan dapat meningkatkan ketepatan dan keselamatan ubat. Pendidikan dan Kesedaran yang Lebih Tinggi Latihan Berterusan dan Kesedaran Kesalahan Pendispensan: Lebih banyak program latihan dan inisiatif kesedaran mengenai kesalahan pendispensan boleh dijalankan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ahli farmasi. Peningkatan Prosedur Kawalan Kualiti Pembangunan dan Penambahbaikan SOP: Penambahbaikan dalam prosedur kawalan kualiti, seperti penggunaan teknologi untuk semakan berganda atau pengawasan yang lebih ketat, dapat meningkatkan ketepatan pendispensan ubat. Penyelidikan dalam Pengurangan Kesalahan Pendispensan Penyelidikan untuk mengenal pasti faktor risiko dan amalan terbaik dalam pendispensan ubat boleh membantu mengurangkan kesilapan.</p>	<p>Peningkatan Beban Kerja Kesesakan dan Kelebihan Beban Kerja: Peningkatan jumlah pesakit atau tugas yang dilakukan dalam tempoh yang singkat boleh menyebabkan ahli farmasi terpaksa bekerja dengan tergesa-gesa, meningkatkan risiko kesalahan.</p>
----	-----------------	---	---------	--	--	--	--

23	Jabatan Farmasi	<p>Kegagalan peralatan penyimpanan Kerosakan pada peti sejuk atau bilik sejuk boleh menyebabkan perubahan suhu, menjejaskan keberkesanan ubat. Pemantauan suhu yang tidak konsisten</p> <p>Kekurangan teknologi notifikasi</p> <p>Kekurangan sistem pemantauan suhu secara automatik boleh menyebabkan kelewatan dalam mengesan pelanggaran suhu.</p> <p>Penggunaan alat pemantauan pintar mampu memberi ramalan awal kegagalan pada bilik sejuk</p>	INFRASTRUKTUR	<p>Kepatuhan kepada piawaian penyimpanan:</p> <p>Mengikuti garis panduan seperti WHO-GDP atau ISO untuk memastikan keberkesanan dan keselamatan ubat.</p> <p>Sistem pemantauan suhu: Penggunaan teknologi pemantauan suhu automatik yang membantu memastikan kawalan suhu konsisten.</p>	<p>Ketertanggungjawaban kepada peralatan:</p> <p>Kegagalan peralatan penyimpanan (contohnya, peti sejuk rosak) boleh menyebabkan kerugian stok. Sistem pemantauan yang tidak mencukupi:</p> <p>Kekurangan alat pemantauan suhu masa nyata boleh menyebabkan pelanggaran suhu tidak terkesan tepat pada waktunya.</p>	<p>Penggunaan teknologi terkini: IoT dan sistem berasaskan awan untuk pemantauan suhu masa nyata dan automasi proses penyimpanan.</p> <p>mendapatkan fasiliti yang baharu</p> <p>Peningkatan pelan kecemasan:</p> <p>Mengembangkan rancangan tindakan kecemasan untuk menguruskan gangguan kuasa atau kerosakan peralatan.</p>	<p>Gangguan bekalan elektrik: Pemadaman kuasa boleh menyebabkan kegagalan kawalan suhu, menjejaskan keberkesanan ubat. Impak kewangan yang tinggi Kerosakkan ubatan rantaian sejuk yang bernilai tinggi</p>
----	-----------------	--	---------------	--	--	--	---

24	Jabatan Farmasi	Tekanan Kerja Beban kerja yang terlalu tinggi boleh menyebabkan kecuai atau kelam kabut semasa proses pendispensan. Kerja dalam suasana yang tergesa-gesa atau tanpa masa yang cukup untuk memastikan kesalahan tidak berlaku. LASA Senarai LASA yang berubah ubah	OPERASI	Penggunaan Teknologi Aplikasi C-hets mengurangkan risiko kesalahan dengan menyediakan amaran automatik untuk interaksi ubat atau dos yang tidak tepat. Prosedur Kawalan Kualiti Proses semakan berganda oleh farmasi kedua sebelum ubat didispenskan dapat mengurangkan risiko kesalahan. Pendidikan dan Latihan Berterusan Latihan berterusan dan pendidikan untuk ahli farmasi dan pembantu farmasi membantu mereka kekal peka terhadap amalan terbaik dalam pendispensan ubat.	Kesalahan Manusia Kelelahan,kekurangan kakitangan dan Stres. Kakitangan farmasi yang bekerja dalam persekitaran yang tertekan atau terlalu sibuk mungkin tidak memberi perhatian sepenuhnya kepada butiran penting, menyebabkan kesilapan. Kekurangan pengalaman atau pengetahuan khusus dalam bidang farmasi, terutamanya dalam mengenali ubat LASA (Look-Alike, Sound-Alike), boleh menyebabkan kesilapan dalam pendispensan. Proses yang Tidak Teratur Prosedur Tidak Standard.Prosedur yang tidak jelas atau tidak konsisten dalam pendispensan boleh menyebabkan kelalaian atau ketidakseragaman. Kesalahan Preskripsi oleh Doktor Kelalaian oleh doktor itu sendiri	Peningkatan dalam Teknologi Sistem Pengurusan Ubat yang Lebih Canggih: Peningkatan dalam penggunaan sistem pengurusan farmasi dan alat automatik untuk pendispensan dapat meningkatkan ketepatan dan keselamatan ubat. Pendidikan dan Kesedaran yang Lebih Tinggi Latihan Berterusan dan Kesedaran Kesalahan Pendispensan: Lebih banyak program latihan dan inisiatif kesedaran mengenai kesalahan pendispensan boleh dijalankan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ahli farmasi. Peningkatan Prosedur Kawalan Kualiti Pembangunan dan Penambahbaikan SOP: Penambahbaikan dalam prosedur kawalan kualiti, seperti penggunaan teknologi untuk semakan berganda atau pengawasan yang lebih ketat, dapat meningkatkan ketepatan pendispensan ubat. Penyelidikan dalam Pengurangan Kesalahan Pendispensan Penyelidikan untuk mengenal pasti faktor risiko dan amalan terbaik dalam pendispensan ubat boleh membantu mengurangkan kesilapan.	Peningkatan Beban Kerja Kesesakan dan Kelebihan Beban Kerja: Peningkatan jumlah pesakit atau tugas yang dilakukan dalam tempoh yang singkat boleh menyebabkan ahli farmasi terpaksa bekerja dengan tergesa-gesa, meningkatkan risiko kesalahan. Ketidaksempurnaan dalam Sistem Pengurusan Ubat Isu dengan Pembekalan atau Stok Ubat: Kegagalan dalam sistem bekalan atau pengurusan inventori, seperti kekurangan stok atau ubat yang dihantar salah, boleh mengakibatkan penggantian ubat yang salah.
----	-----------------	--	---------	---	---	---	--

25	Jabatan Farmasi	<p>Pendedahan kepada bahan berbahaya Kekurangan kawalan terhadap habuk, bahan kimia, atau zarah lain boleh menyebabkan kakitangan terdedah kepada risiko kesihatan, seperti alahan, jangkitan, atau keracunan. Penurunan produktiviti Keadaan kerja yang tidak selamat atau kurang selesa akan menjejaskan motivasi dan kecekapan kakitangan Masalah kesihatan kakitangan Udara tercemar atau sistem pengudaraan yang tidak berfungsi boleh membawa kepada penyakit pekerjaan, seperti gangguan pernafasan atau kulit. Fasiliti sudah usang Fasiliti berusia lebih dari 15 tahun, tidak mematuhi standard terkini Kekangan jumlah kakitangan kakitangan yang sama bertugas lebih dari 15 tahun</p>	OPERASI	<p>Kakitangan terlatih Kakitangan berkemahiran tinggi dapat mengenal pasti masalah dan membantu dalam tindakan pembaikan. Kesedaran kepentingan bilik bersih</p>	<p>Ketidakpatuhan SOP Pelanggaran prosedur asas seperti kawalan pencemaran atau penapisan udara boleh menjejaskan keselamatan kakitangan dan produk. Kekurangan penyelenggaraan peralatan Sistem penapisan yang gagal atau pengudaraan yang tidak mencukupi boleh menyebabkan pencemaran bilik bersih. Ketidaktentuan dalam pemantauan berkala Audit dan penilaian rutin yang tidak konsisten boleh menyebabkan isu yang tidak dikesan sehingga berlaku kegagalan besar. Kekangan kos Kebergantungan pada bajet yang rendah mengurangkan pelaburan untuk teknologi terkini dan latihan kakitangan.</p>	<p>Kemajuan teknologi Penggunaan teknologi terkini, seperti sistem automasi pemantauan udara atau robotik, boleh meningkatkan kawalan pencemaran. Sokongan pengawalseliaan Kerjasama dengan badan kawal selia atau pihak berkepentingan boleh membuka peluang untuk mendapatkan panduan dan dana pembaikan. Latihan dan pembangunan kakitangan Program latihan lanjutan dan pensijilan mampu meningkatkan kepatuhan SOP dan pemahaman risiko. Kemajuan teknologi Penggunaan teknologi terkini, seperti sistem automasi pemantauan udara atau robotik, boleh meningkatkan kawalan pencemaran. Pemantapan budaya keselamatan Menjadikan keselamatan sebagai keutamaan organisasi boleh mengurangkan risiko kegagalan pada masa hadapan.</p>	<p>Risiko kesihatan kakitangan Pendedahan kepada ubat sitotoksik akibat kegagalan bilik bersih boleh menyebabkan penyakit serius.</p>
----	-----------------	--	---------	--	--	---	---

